

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2020**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR  
BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan mengemukakan strategi dan inisiatif untuk mengembangkan pelancongan “*niche*” seperti *diving*, *caving*, *birding*, *stargazing* serta *cruise tourism*. Adakah Kementerian dapat melaksanakan inisiatif seperti memberi baucar pelancongan domestik seperti yang dilakukan negara jiran seperti Singapura dan Thailand.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa berusaha untuk mengembangkan pelancongan “*niche*” bagi menarik lebih ramai pelancong terutamanya pelancong domestik setelah Kerajaan memberi kebenaran untuk pergerakan rentas negeri bermula 10 Jun 2020 yang lalu.
2. Antara pendekatan untuk mengetengahkan produk-produk pelancongan “*niche*” adalah:
  - (i) Penganjuran acara tahunan *Dive – Start in Tioman 2020* dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang, Tourism Pahang, Lembaga Pembangunan Tioman dan beberapa lagi

## NO. SOALAN : 24

agensi kerajaan dan swasta di Pulau Tioman pada 8 hingga 11 Oktober 2020 yang lalu. Secara tidak langsung, acara ini turut mempromosikan Pulau Tioman yang mempunyai lebih dari 10 lokasi selam skuba yang boleh diterokai melalui pelbagai aktiviti yang diadakan seperti melawat Taman Laut, mendaki, *snorkeling*, *fun dive* dan kelas untuk *Open Water Diving* dan *Advanced Open Water Diving*;

- (ii) Bekerjasama dengan Sabah Tourism Board, Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Sabah Chapter dan Persatuan Pelancongan Sabah untuk menghasilkan buku risalah *Green Escapades – Sabah Baina! Holiday Packages* yang mengandungi lebih daripada 50 pakej pelancongan *niche* seperti *diving*, *stargazing* dan *caving* untuk dipromosikan;
- (iii) mengadakan kerjasama dengan Persatuan Pelancongan Mersing bagi membangunkan pakej Jejak Pulau-Pulau Johor yang turut menawarkan pengalaman untuk *diving* dan *snorkeling*;
- (iv) merancang bersama Kerajaan Negeri Melaka bagi menghidupkan semula produk *sunset cruise* di Melaka. Antara lokasi yang dikenal pasti adalah di Pulau Upeh yang terletak di sekitar perairan Selat Melaka yang pernah satu ketika dahulu menjadi tempat pelabuhan Laksamana Cheng Ho dan armadanya;
- (v) bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta termasuk Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) bagi mempromosikan segmen *birdwatching* melalui penganjuran bersama acara seperti *Raptor Watch* di Tanjung Tuan, Melaka dan *Bird Race* di Bukit Fraser, Pahang serta Program *Birdwatching* di Taman Negara, Pahang serta meneroka tempat-tempat lain yang berpotensi untuk dibangunkan produk *birdwatching*;

## NO. SOALAN : 24

- (vi) membantu mempromosikan Pakej *Birdwatching* yang telah dibangunkan oleh Jabatan Taman-Taman Negara Negeri Johor seperti aktiviti di sekitar kawasan Tanjung Piai dan Taman Negara Selai, Kampung Peta dan Gunung Ledang; dan
- (vii) Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan di negeri-negeri termasuk produk “niche” kepada pelancong melalui Pejabat - Pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan 15 buah Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh Malaysia serta melalui laman web dan laman media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* milik Tourism Malaysia.

3. Selain daripada itu, antara inisiatif-inisiatif yang turut dirancang termasuklah:

- (i) insentif dan diskaun bagi penjualan pakej pelancongan minat khas seperti selam skuba, pelancongan eko dan pelancongan agro melalui kerjasama dengan Persatuan-persatuan dan produk pelancongan;
- (ii) lawatan media dan agensi pelancongan (*familiarisation trip*) secara berkala khusus ke destinasi pelancongan minat khas misalnya ke Bukit Fraser untuk aktiviti *birding*, Taman negara Gunung Mulu untuk segmen *caving* dan Pulau Sipadan untuk selam scuba; dan
- (iii) seminar dan bengkel pembangunan pakej minat khas seperti *caving*, selam skuba dan *4wheel drive 4X4 off road* secara berperingkat.

Sekian, terima kasih.